

22 MAY 2000

Mahathir-Idea

PEGAWAI KERAJAAN HARUS BERFIKIRAN TERBUKA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pegawai kerajaan tidak harus takut tetapi mesti berfikiran terbuka terhadap idea-idea baru terutama dalam bidang berteknologi tinggi.

"Mereka mesti menimbang dan membuat analisis, dan tidak menolak idea yang mereka fikir tidak akan berjaya," katanya ketika berucap kepada anggota Kumpulan Industri bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT) di Seri Kembangan di sini.

Sebelum itu, Dr Mahathir, yang juga penaung MIGHT, diberi taklimat mengenai aktiviti MIGHT dan dialog rakan kongsi bijak masing-masing oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya Dr Ahmed Tasir Lope Pihie dan Pengerusi Bersama MIGHT Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman.

Dr Mahathir berkata idea baru seperti itu, jika tidak diambil kira, akan menyebabkan negara hilang peluang baru yang boleh dimanfaatkan.

Menurut beliau, idea baru mungkin tidak munasabah atau masuk akal tetapi kadang kala ia boleh menghasilkan keputusan yang baik jika dilaksanakan.

"Adalah lebih menguntungkan untuk berfikiran terbuka. Sesetengah idea mungkin tidak berguna, kita tidak tahu sehingga kita mengujinya," kata beliau.

Dr Mahathir berkata orang ramai termasuk pegawai kerajaan mungkin telah mendengar mengenai teknologi tinggi tetapi mereka mesti mengakui bahawa mereka tidak mengetahui setiap perkara mengenainya.

"Pegawai kerajaan mungkin tidak banyak mengetahui secara khusus atau bidang tertentu teknologi tinggi untuk membuat penilaian dan keputusan sama ada ia (idea baru) yang harus disokong atau dibantu," katanya.

Menurutnya oleh kerana itu mereka mungkin ragu-ragu untuk menyokong idea-idea baru itu, dan dengan itu menghalang pelaksanaan projek yang dicadangkan.

Katanya apabila projek ini gagal dilaksanakan, negara akan kerugian daripada segi kutipan cukai daripada sektor swasta.

Dr Mahathir juga mendedahkan bahawa beliau sentiasa berfikiran terbuka apabila orang ramai mengetengahkan idea-idea baru kepadanya.

Kebanyakan idea itu seperti MIGHT, Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Wawasan 2020 merupakan idea orang lain yang dikemukakan kepada beliau, katanya.

"Saya mengamalkan sikap positif dan akhirnya idea-idea ini diterima dan memberikan hasil dan saya mendapat pujian kerananya. Saya tidak kisahlah," katanya yang disambut gelak ketawa daripada hadirin.

Dr Mahathir berkata Malaysia boleh membangun dengan kadar yang cepat jika negara sanggup menerima idea-idea pelik. Idea seumpama ini telah menghasilkan perkara-perkara baru yang tidak pernah difikirkan sebelum ini seperti telefon bimbit dan membersihkan udara tercemar dengan penyemburan air dari bangunan tinggi dan hujan tiruan.

"Saya adalah seorang daripada mereka yang mempunyai idea tidak masuk akal," kata Perdana Menteri yang mendedahkan bahawa beliau yang mencadangkan supaya kren menara kawalan jauh digunakan bagi pembinaan bangunan pencakar langit.

Menurutnya sebagai seorang perdana menteri, beliau bernasib baik dapat "memaksa" orang lain melakukan kerja yang dianggap pelik tetapi setelah dilaksanakan, hasilnya "masuk akal".

Dalam bidang berteknologi tinggi, beliau menekankan bahawa usaha harus ditumpukan dalam bidang yang mempunyai potensi sebenarnya dan tidak untuk

terlalu banyak projek.

Beliau berkata pelaburan dalam bidang yang ditumpukan akan membuahkan hasil jika usaha terus disusuli dan dengan ketabahan.

"Jika kita lakukan separuh jalan, saya rasa kita tidak akan ke mana-mana. Dalam bidang berteknologi tinggi, kita perlu memilih teknologi yang mempunyai potensi, kemudian buat susulan dan beri tumpuan kepada teknologi itu," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan boleh berinteraksi dan memahami idea yang dikemukakan oleh sektor swasta melalui badan-badan seperti MIGHT yang beliau sifatkan sebagai satu contoh persyarikatan Malaysia dalam bidang teknologi tinggi.

Menurutnya falsafah di belakang persyarikatan Malaysia ialah kerjasama rapat antara kerajaan dan sektor swasta dalam membangunkan negara dan bagi meningkatkan produktiviti dan keuntungan perbadanan-perbadanan supaya kerajaan dapat berkongsi kekayaan yang dijana melalui percukaian.

Tidak seperti imperialis yang mendapat kekayaan dengan memiskinkan negara lain, beliau berkata Malaysia yakin dengan memakmurkan pihak lain ia dapat memakmurkan dirinya melalui kerjasama dan tidak menerusi pendekatan konfrontasi.

Kaedah konfrontasi bagi membuat untung sebagai contoh, katanya tidak akan mendatangkan manfaat kepada kedua-dua pihak seperti apa yang boleh dilihat daripada tindakan menurunkan diri matawang oleh pedagang matawang semasa krisis kewangan baru-baru ini.

Penurunan nilai ringgit sebanyak kira-kira 50 peratus telah menyebabkan Malaysia kehilangan AS\$250 bilion pada tahun 1998 dalam bentuk kuasa beli.

Beliau mengaitkan tindakan tidak bertanggungjawab oleh manipulator pedagang matawang kepada satu permainan yang membolehkan para pedagang matawang membuat untung AS\$10 bilion ketika negara kehilangan AS\$250 bilion.

"Jika mereka memberi kekayaan kepada Malaysia, kita boleh membeli lebih banyak pesawat Boeing dan lebih banyak produk dari Amerika Syarikat," katanya.

Dr Mahathir yang turut melancarkan direktori komposit terkini dan direktori aeroangkasa hari ini berkata bahawa teknologi yang dipromosikan oleh MIGHT berpotensi untuk terus dibangunkan seperti teknologi komposit," katanya.

"Hari ini kita membuat kapalterbang dan benda-benda lain menggunakan teknologi komposit," katanya.

Yang turut menghadiri taklimat MIGHT itu terdiri daripada 150 jemputan membabitkan anggota pertubuhan MIGHT 87 daripada sektor swasta dan awam dan Menteri Pertanian Datuk Dr Effendi Norwawi.

-- BERNAMA

ARA/AD LAT RON